

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

07 Ogos 2015

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

DAYANG ENTERPRISE HOLDINGS BERHAD (“DEHB”) / PERDANA PETROLEUM BERHAD (“PPB”)

Pada 14 Mei 2015, DEHB (“Pemberi Tawaran”) telah memeterai perjanjian penjualan saham (“SSA”) untuk mengambilalih 42,965,100 saham PPB, mewakili kira-kira 5.74% kepentingan di dalam PPB, daripada Affin Hwang Asset Management Berhad. Pemberi Tawaran kemudiannya menyerahkan notis pengambilalihan bertarikh 2 Julai 2015 yang memaklumkan PPB bahawa Pemberi Tawaran akan melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori untuk mengambilalih kesemua baki saham PPB dan waran PPB yang belum dimiliki oleh DEHB. Harga tawaran bagi saham PPB dan waran PPB adalah RM1.55 bagi setiap saham tawaran dan RM0.84 bagi setiap waran.

Penasihat Bebas, AmInvestment Bank Berhad telah menyatakan pandangan bahawa tawaran pengambilalihan tersebut adalah adil dan munasabah. Di dalam Pekeliling Penasihat Bebas bertarikh 3 Ogos 2015, Penasihat Bebas telah menasihatkan supaya pemegang saham menerima tawaran pada harga RM1.55 bagi setiap saham PPB iaitu lebih tinggi daripada julat nilai saksama sebanyak RM1.01 sehingga RM1.26 bagi setiap saham PPB.

[Sumber: Pengumuman PPB di laman web Bursa Malaysia pada 3 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Berdasarkan fakta-fakta nampak terdapat sebab kukuh bagi DEHB untuk mengambilalih kesemua baki saham PPB pada harga RM1.55 bagi setiap saham PPB yang masih belum dimilikinya. Antara justifikasi paling menarik adalah premium tinggi bagi harga tawaran sebanyak 23% hingga 53.5% kepada nilai ekuiti bagi setiap saham Kumpulan PPB. Beberapa pertimbangan lain juga menyokong cadangan tersebut yang nampak adil dan munasabah dan tidak menjejaskan kepentingan pemegang saham tidak berkepentingan PPB, memandangkan harga saham PPB telah turun kepada separuh sebelum tawaran am tersebut di tengah-tengah kejatuhan harga minyak mentah sejak setahun yang lalu.

Walaupun, jika mengambil pandangan daripada sudut baki pemegang saham PPB, mereka mungkin mahu menunggu sehingga industri minyak & gas pulih, mengambilkira bahawa Pemberi Tawaran masih akan mengekalkan status penyenaian PPB.

Memandangkan tawaran pengambilalihan adalah melalui tawaran secara tunai, pemegang saham minoriti perlu menilai kedudukan masing-masing apabila membuat keputusan sama ada akan menerima tawaran tersebut.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.